

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HKN 401: Kesusasteraan Nusantara I: Aspek Teori dan Kritikan

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan sahaja.

1. "Kesilapan Winstedt adalah kelemahan zamannya bukan kelemahan peribadinya."

(Ismail Hussain)

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada fenomena-fenomena penting yang berlaku di Barat menjelang kurun ke-19. Perhatikan bagaimana sudut pandangan Barat mengenai ras, budaya dan mental mempengaruhi wacana-wacana mereka mengenai Timur.

2. Unsur-unsur perulangan dan keselarian di dalam hikayat Melayu menjadi faktor penghalang kepada bacaan Barat dan mempengaruhi tanggapan mereka terhadap mutu karya-karya Melayu tradisional. Dengan merujuk kepada keperluan politik lisan dan tuntutan tata-sastera partisipatoris, buktikan bahawa unsur-unsur tersebut adalah teknik penciptaan yang bijak dan wajar bagi masyarakat Melayu tradisional.
3. Bicarakan fenomena "Pencerahan Timur" (*Oriental Enlightenment*) yang melanda dunia Melayu di kurun ke-19. Hubungkan fenomena ini dengan kemunculan budaya "baru" dan mekanisme percetakan serta bincangkan kesannya ke atas pertumbuhan sastera Melayu moden dan kritikan sastera yang sebenar.
4. Kecenderungan sastera moden ialah untuk merombak konvensi atau apa yang diistilahkan sebagai deotomatisasi dan defamiliarisasi (V. Sklovsky). Hubungkan kecenderungan ini dengan gerakan autonomi dalam perkembangan teori sastera moden di Barat dan bincangkan kesannya ke atas karya sastera dan pembacaannya.

5. Puisi “Berdiri Aku” (Oleh Amir Hamzah, di bawah) dapat dikatakan “mewujudkan secara puitik norma estetik Melayu klasik dengan cukup representatif” (A. Teeuw).

Huraikan “norma estetik Melayu klasik” tersebut dan perlihatkan dengan contoh-contoh, bagaimana melalui pembacaan intertekstual (Riffaterre), Teeuw dapat mengetengahkan dasar-dasar estetika Melayu klasik ini dalam puisi tersebut.

Berdiri Aku  
(Amir Hamzah)

Berdiri aku di senja senyap  
Camar melayang menepis buih  
Melayah bakau mengurai puncak  
Berjuang datang obor terkembang  
Angin pulang menyejuk bumi  
Menepuk teluk mengempas emas  
Lari ke gunung memuncak sunyi  
Berayun-ayun di atas alas  
Benang raja mencelup hujung  
Naik marak menyerak corak  
Helang leka sayap tergulung  
Dimabuk warna berarak-arak  
Dalam rupa maha sempurna  
Rindu-sendu mengharu kalbu  
Ingin datang merasa sentosa  
Mengecap hidup bertentu tuju.

6. “To give a text an Author is to impose a limit on that text, to furnish it with a final signified, to close the writing.” (Barthes).

Huraikan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada idea strukturalis tentang teks sastera. Bincangkan implikasi pandangan ini ke atas peranan pembaca sebagai penafsir makna; dan seterusnya kerana penafiannya terhadap kesejarahan penafsiran, bincangkan keterbatasannya untuk membaca karya-karya lama.